

29 JUL 1997

Asean-Anwar

DEKLARASI HAK ASASI -- MALAYSIA HANYA MAHU PERATURAN DISEMAK, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Malaysia hanya mahu peraturan tertentu dalam deklarasi hak asasi manusia di semak semula sementara ia tetap mendukung prinsip-prinsip asas dan sejagat piagam itu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Malaysia, katanya, menerima prinsip-prinsip asas dan sejagat deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu yang berusia 50 tahun itu.

"Apa yang perlu dibincangkan ialah peraturan-peraturan tertentu seperti ekonomi dan perlindungan sosial dan proses demokrasi.....ini adalah satu permintaan yang munasabah," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Luar Australia Alexander Downer pagi ini.

Ahad lepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia mungkin akan mengemukakan cadangan kepada PBB supaya deklarasi itu dikaji semula kerana tidak lagi sesuai memandangkan usianya.

Semalam, Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) Madeleine Albright berkata AS akan menentang sebarang usaha untuk "mencair" deklarasi itu.

Menurut jurucakap Jabatan Negara AS, Nicholas Burns, Albright, bekas duta AS ke PBB, bersumpah bahawa "Amerika Syarikat tidak akan bertolak ansur untuk menentang sebarang percubaan untuk mencairkan deklarasi (PBB) itu.

Anwar berkata kemasukan banyak negara-negara ke dalam PBB sejak dekad yang lepas memerlukan deklarasi itu disemak semula.

Beliau juga berkata sentimen anti Asia di Australia, yang dicetuskan oleh anggota Parlimen bebas Pauline Hanson, tidak memberi kesan kepada hubungan Malaysia-Australia.

Di sebaliknya, sejak beberapa tahun kebelakangan hubungan dua hala dan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara telah meningkat dengan baik sekali.

"Saya tidak berfikir begitu. Kita telah melihat dalam beberapa tahun kebelakangan kemajuan membanggakan dalam hubungan kita," katanya apabila ditanya oleh wartawan Australia sama ada isu anti Asia itu memberi kesan kepada imej Australia dan hubungannya dengan Malaysia.

Anwar berkata hubungan itu bukan sahaja berkisar diperingkat kerajaan dengan kerajaan tetapi juga antara rakyat, perkhidmatan awam, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan.

Katanya Malaysia praktikal dan wajar secukupnya untuk memahami bahawa isu anti Asia itu "adalah satu isu minoriti yang tidak mewakili sentimen rakyat Australia, dan sudah tentu bukan sentimen kerajaan Australia." --

BERNAMA

MT Jk WAT